

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(I)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM  
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

8. Wabak Coronavirus yang melanda dunia, telah membantutkan pertumbuhan ekonomi dunia, dengan sektor pelancongan menjadi sektor paling terkesan.
  - (a) Adakah kempen Experience Penang Year 2020 akan dibatalkan seperti kempen Tahun Melawat Malaysia 2020?
  - (b) Apakah kesan langsungnya ke atas sektor pelancongan Pulau Pinang dan bilakah keadaan itu dijangka pulih?

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. (a) Kempen Experience Penang Year 2020 (EPY2020) melalui *tagline* The Diversity of Asia telah menjadi sinonim kepada kepelbagaian Pulau Pinang yang ditampilkan melalui seni, budaya dan warisan. Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak berhasrat membatalkan kempen EPY dan sebaliknya akan mengekalkan jenama “Experience Penang Year” (EPY) serta akan mengambil langkah-langkah sewajarnya berdasarkan situasi semasa wabak COVID-19.

Ini adalah kerana Kempen EPY telah menjadi jenama pelancongan Pulau Pinang yang terkenal di persada antarabangsa dan juga sebagai mekanisme yang menyatukan penduduk setempat dalam sektor pelancongan. Dalam usaha memulihkan keyakinan pelawat selepas COVID-19, kempen EPY juga mempunyai peranan untuk menjadi satu halatuju kepada industri pelancongan yang amat memerlukan inisiatif

sedemikian untuk menarik minat pelancong ke Negeri Pulau Pinang semula.

- (b) Wabak COVID-19 telah menjaskankan sektor pelancongan bukan hanya di Pulau Pinang, malah di seluruh dunia. Perintah Kawalan Pergerakan yang menghalang kemasukan pelawat dan pelancong asing ke Malaysia telah dilaksanakan dengan keutamaan mengawal penularan wabak COVID-19, dan ia mendatangkan akibat langsung melalui pengurangan pelancong ke Pulau Pinang. Tempoh pemulihan sektor pelancongan adalah bergantung kepada situasi kawalan wabak COVID-19 di peringkat negara dan global. Perkara ini tidak dapat dijangkakan kerana wabak COVID-19 adalah amat dinamik dan boleh berubah dalam masa yang sangat singkat.

Untuk mengurangkan impak terhadap golongan terkesan dan memperkasakan industri pelancongan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga menyediakan bantuan atau insentif kepada golongan yang terkesan akibat wabak COVID-19 seperti berikut:

- (i) Pemberian bantuan tunai *one-off* RM500 kepada peniaga kecil dan penjaja berlesen;
- (ii) Pemberian bantuan tunai *one-off* RM500 kepada pemandu pelancong;
- (iii) Pemberian RM500 wang insentif kepada pemandu teksi dan penarik beca;
- (iv) Pemberian bantuan tunai *one-off* RM300 kepada pemandu *e-hailing*;
- (v) Pengecualian sewa premis-premis perniagaan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- (vi) Memberikan pinjaman tanpa faedah kelangsungan perniagaan Pulau Pinang kepada golongan usahawan; dan

Kerajaan Negeri dalam rancangan untuk memberi bantuan kepada pemandu bas persiaran, van persiaran dan limosin yang berdaftar di Pulau Pinang.